

Program Hari Kesihatan Komuniti NKF-YSB

PROGRAM Hari Kesihatan Komuniti NKF-YSB 2023 berlangsung di Dataran Ilmu Surau Al Falah Taman Keladi Fasa 2, Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Keladi Fasa 2, Mohd Azli Ramli berkata, petugas di Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) dan Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB) Alor Setar menjalani pemeriksaan kesihatan itu.

Katanya, pengunjung menikmati pemeriksaan percuma berkaitan tekanan darah, ujian air kencing, gula dalam darah, kolesterol darah, indeks jisim badan dan kaunseling.

Mohd Azli berkata, usaha dilakukan ini memberi pelbagai kebaikan kepada orang ramai setelah membuat pemeriksaan khususnya warga emas di kawasan tersebut.



■ SEBAHAGIAN dari kakitangan NKF-YSB Alor Setar bergambar dengan beberapa orang penduduk semasa Program Hari Kesihatan Komuniti NKF-YSB 2023 di Dataran Ilmu Surau Al Falah Taman Keladi Fasa 2, Sungai Petani, Kedah baru-baru ini. - UTUSAN/ABD. RAZAK OSMAN